

Oleh MD ISHAK A. RAHMAN

Aspek Seni Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Aspek seni bahasa merupakan kemahiran berbahasa yang terkandung dalam standard pembelajaran Bahasa Melayu.

Kemahiran seni bahasa hendaklah dikuasai oleh pelajar walaupun kemahiran tersebut tidak menjadi aktiviti khusus dalam proses pembelajaran dan pentaksiran. Aspek kemahiran bertutur, membaca dan menulis menjadi ukuran dalam penilaian kefasihan berbahasa serta penentu tahap penguasaan keseluruhan mata pelajaran Bahasa Melayu. Sementara itu, aspek seni bahasa menjadi unsur yang penting dalam mencapai kesempurnaan berbahasa.

Seni bahasa merujuk citra masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat, seni dan budaya yang mengamalkan sikap hormat-menghormati dan kemesraan dalam pergaulan. Aspek ini menjadi khazanah penting dalam memartabatkan bahasa Melayu agar sentiasa terpelihara dan harmoni dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam standard kandungan Bahasa Melayu, seni bahasa merupakan bahasa yang indah dan bertatasusila. Bahasa yang indah terdapat dalam karya sastera seperti puisi dan prosa termasuklah peribahasa. Bahasa bertatasusila bermaksud bahasa kesopanan dan kehalusan yang digunakan dalam komunikasi sama ada lisan atau penulisan.

Karya puisi dan prosa tidak dijadikan sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Karya puisi dan prosa dapat dijadikan sebagai wahana ilmu dalam pembelajaran yang mendukung bahasa puitis, indah, bermaklumat dan berbudaya. Bahan tersebut digunakan sebagai



rangsangan untuk mengembangkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Tegasnya, karya sastera bukan sahaja untuk PdP dalam mata pelajaran Sastera sebaliknya berfungsi sebagai sumber ilmu dalam bahasa Melayu.

Bahan puisi dalam bentuk pantun, syair, gurindam dan sajak dapat mendukung pelbagai ilmu melalui penyampaian yang menarik dan indah dari segi bentuk, bahasa, bunyi, susunan kata dan nada. Puisi juga terdapat dalam pelbagai kategori termasuklah puisi sains, puisi kanak-kanak, puisi orang dewasa dan puisi umum. Setiap kategori membawa tema, ilmu dan maklumat yang menyeluruh. Oleh itu, puisi sememangnya sesuai untuk digunakan dalam proses PdP pada semua peringkat. Bahan daripada puisi tersebut boleh digunakan bagi memperkukuh


Karya sastera dalam bentuk prosa seperti drama, cerpen dan novel juga dapat digunakan dalam aktiviti bagi memantapkan kemahiran berbahasa. Pembacaan cerpen dan penghayatan dialog drama boleh digunakan bagi tujuan ini.

kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis serta kemahiran berfikir.

Antara aktiviti yang biasa digunakan melalui puisi termasuklah pembacaan secara penghayatan seperti bacaan syair atau deklamasi puisi. Aktiviti ini lebih berkesan sekiranya digunakan pada permulaan pembelajaran. Aktiviti berfikir dalam pemahaman sama ada lisan atau penulisan akan lebih seronok sekiranya diserapkan unsur didik hiburan melalui bacaan puisi. Aktiviti ini juga selaras dengan bentuk pentaksiran dan penilaian tahap pencapaian individu dalam kumpulan, khususnya sebagai bahan rangsangan untuk aktiviti ujian lisan dan penulisan.

Karya sastera dalam bentuk prosa seperti drama, cerpen dan novel juga dapat digunakan dalam aktiviti bagi memantapkan kemahiran berbahasa. Pembacaan cerpen dan penghayatan dialog drama boleh digunakan bagi tujuan ini. Bahan untuk aktiviti ini biasanya diambil daripada antologi Komponen Sastera (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, novel Komsas, buku teks, majalah dan surat khabar. Karya sastera seperti puisi dan prosa boleh dibincangkan dalam aktiviti pembelajaran terutamanya dari segi isi dan gaya bahasa. Karya tersebut mengandungi aspek seni bahasa yang dapat dimanfaatkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Aktiviti penciptaan dan penulisan karya sastera kurang diberikan tumpuan dalam PdP kerana memerlukan masa yang panjang. Penulisan karya sastera memerlukan bakat yang dipupuk melalui



pembacaan bahan tersebut secara berterusan di luar waktu pembelajaran. Proses penciptaan karya sastera mempunyai tahap pencapaian yang tersendiri dalam kemahiran berbahasa. Aktiviti penulisan karya kreatif ini bergantung pada inisiatif guru dan keprihatinan semua pihak dalam memupuk bakat pelajar melalui aktiviti di luar bilik darjah atau aktiviti kokurikulum.

Hal ini selaras dengan bentuk pentaksiran dan penilaian dalam penulisan yang kini tidak lagi mengutamakan konstruk untuk penghasilan karya kreatif seperti menulis drama dan cerpen. Konstruk kurang mendapat respons daripada pelajar dan tiada skema objektif yang jelas untuk menilai karya pelajar dalam peperiksaan.

Selain karya sastera, peribahasa juga merupakan sebahagian dari aspek seni bahasa yang diterapkan dalam PdP bagi menyokong aktiviti kemahiran berbahasa. Peribahasa merupakan ungkapan yang tekal maksudnya sama ada secara perbandingan, sindiran atau tersirat. Peribahasa juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu yang digunakan dalam pertuturan atau penulisan sama ada dalam bentuk karya kreatif atau bukan kreatif.

Pembelajaran peribahasa biasanya dilakukan melalui bahan bacaan umum atau karya sastera. Penggunaan peribahasa menjadikan sesuatu maklumat tersebut lebih menarik dan berkesan sebagai bahan pemikiran dalam persoalan yang dibahaskan. Biasanya pelajar akan memberikan maksud ungkapan tersebut berdasarkan situasi atau merujuk kamus peribahasa untuk menunjukkan pemahaman mereka terhadap maksud peribahasa tersebut. Sebagai penghayatan, pelajar akan diminta untuk membina ayat atau perenggan yang menggambarkan maksud peribahasa tersebut.

Pelajar digalakkan untuk menggunakan peribahasa dalam penulisan karangan sebagai huraian isi dan gaya bahasa perbandingan untuk menyampaikan sesuatu pemikiran. Peribahasa merangkumi bahasa perbandingan seperti kata-kata hikmat, bahasa kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama. Keindahan atau seni bahasa ini akan menarik perhatian pembaca atau pemeriksa sekali gus menambah nilai dalam kemahiran berbahasa.


Selain puisi dan peribahasa, aspek kesantunan berbahasa turut dititikberatkan dalam penggunaan bahasa dan pengajaran bahasa. Kesantunan berbahasa bermaksud kesopanan dan kehalusan bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi melalui lisan atau penulisan. Tegasnya, bahasa yang digunakan hendaklah mencerminkan adab dan tata tertib kesopanan terutamanya melalui pertuturan dalam kalangan masyarakat. Dalam bahasa Melayu, kesopanan berbahasa dapat dilihat melalui penggunaan bahasa halus, sapaan, gelaran atau ganti nama diri dalam pertuturan dan penulisan.

**“
Pelajar digalakkan untuk menggunakan peribahasa dalam penulisan karangan sebagai huraian isi dan gaya bahasa perbandingan untuk menyampaikan sesuatu pemikiran. Peribahasa merangkumi bahasa perbandingan seperti kata-kata hikmat, bahasa kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama.
”**

Bahasa halus digunakan dalam perhubungan dengan kerabat diraja atau golongan istana yang lebih dikenali sebagai bahasa istana. Bahasa Melayu mempunyai kosa kata bahasa halus yang digunakan ketika berbicara dengan golongan istana atau membincangkan perkara yang berkaitan dengan golongan tersebut. Sebagai contoh, ungkapan terima kasih dalam bahasa istana disebut “menjunjung kasih”, kata pergi disebut “berangkat” dan kata hadir disebut “mencemar duli”. Bahasa ini dipelajari dalam bahasa Melayu sebagai bahasa seni yang bertatasusila terutamanya dalam konteks hubungan dengan golongan istana.

Bahasa istana dalam proses PdP Bahasa Melayu sering ditemukan dalam petikan prosa klasik atau prosa tradisional. Petikan ini juga sering digunakan untuk aktiviti pemahaman dalam bacaan dan penulisan pemahaman. Malah, petikan prosa klasik ini mula digunakan dalam aktiviti penulisan yang melibatkan penukaran petikan prosa klasik kepada bahasa moden. Aktiviti ini menjadi cabaran kepada pelajar untuk memperkaya kosa kata bahasa istana sebagai bahasa bertatasusila, di samping menikmati karya klasik.

Selain bahasa istana, bahasa bertatasusila juga terkandung dalam penggunaan ganti nama diri, sapaan atau panggilan dalam masyarakat. Ganti nama diri “saya”



Kemahiran seni bahasa dalam kalangan pelajar seperti dalam pengucapan awam dan penulisan makalah perlu diberikan penekanan dalam pembelajaran.

digunakan secara bertatasusila dalam perhubungan umum yang lebih beradab manakala “aku” digunakan dalam perhubungan rakan yang rapat dan perhubungan yang mesra. Namun begitu, “aku” dianggap kurang beradab sekiranya digunakan semasa berhubung dengan orang yang lebih dihormati.

Selain itu, panggilan atau sapaan dalam perhubungan yang dihormati dan bertatasusila secara umum ialah “awak”, “kamu” atau “anda”. Seterusnya, panggilan dalam hubungan rakan sejawat berkaitan dengan tugas rasmi pula ialah “tuan” atau “puan”. Manakala, panggilan hormat bagi orang yang belum dikenali ialah “encik” atau “cik”. Panggilan ini biasanya digunakan oleh seseorang untuk menyapa kakitangan yang bertugas di sesebuah jabatan bagi tujuan berurusan dengannya. Panggilan mengikut jawatan atau tugas ialah “cikgu”, “doktor” dan “ustaz”. Sementara itu, panggilan gelaran Yang Amat Berhormat (YAB), Yang Berhormat (YB) dan Yang Berusaha juga digunakan sebagai tanda penghormatan kepada pemimpin dalam masyarakat.

Dalam hubungan masyarakat awam, orang muda memanggil orang yang lebih tua dengan panggilan seperti “pak cik”, “haji” atau “tuan haji” manakala panggilan bagi hubungan mesra untuk golongan muda mengikut jantina pula ialah “saudara”, “saudari”, “abang”, “kakak”, dan “adik”. Begitu juga, panggilan

dalam hubungan kekeluargaan seperti “abang”, “adik”, “along” dan “angah”.

Bahasa bertatasusila ini kebiasaannya diterapkan dalam pembelajaran untuk diamalkan dalam hubungan kemasyarakatan. Dalam pembelajaran pengucapan awam dan penulisan seperti surat-menyurat, panggilan bertatasusila ini dititikberatkan sebagai satu penilaian umum dalam aspek seni bahasa.

Aspek seni bahasa ini diperkenalkan secara meluas dan diberikan penekanan dalam pembelajaran. Penggunaannya dalam karangan akan meningkatkan peringkat kriteria penskoran sebagai gaya bahasa yang menarik. Sebaliknya, penggunaan seni bahasa yang tidak tepat akan menyebabkan peringkat penskoran merosot.

Penggunaan karya kreatif, pengucapan awam dan penulisan makalah banyak menerapkan seni bahasa dalam aktiviti pembelajaran kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Oleh itu, bahasa Melayu perlu diperkasakan agar menjadi lebih indah, bermaklumat dan bertatasusila dengan penekanan kepada aspek seni bahasa dalam bahan pembelajaran. Strategi ini akan meningkatkan kefasihan pelajar dalam pertuturan dan penulisan, di samping membentuk kesempurnaan berbahasa. **Pb**